



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63
No. 25

20hb Disember 2010

TAMBAHAN
No. 2

No. 2133.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH KUANTAN

1. Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Kuantan akan diadakan pada 22 Disember 2010 (Rabu) di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Kuantan, Jalan Masjid, Kuantan, Pahang jam 2.30 petang.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh mulai dari 1 Januari 2010 hingga 30 Jun 2010 hendaklah dibuat di dalam borang "Eksais 27" yang telah ditetapkan (dalam lima salinan) dan dihantar kepada Pengurus, Lembaga Pelesenan Eksais Kuantan di alamat Pejabat Daerah Kuantan dan mesti sampai sebelum 30 hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:

- (i) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mesyuarat itu diadakan; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

2492

[20hb Dis. 2010]

-
- (ii) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah Kuantan.

Bertarikh 10 Disember 2010
[P.D.KTN.(LSN) 3/7 Jld. 2]

DATO' HAJAH MARIAM BINTI ISMAIL
Pegawai Daerah Kuantan
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Eksais
Kuantan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA